

Jangan tangkap ikan temalian

Larangan sehingga April
depan berikutan musim
ikan itu bertelur

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

FOTO: MASRAN MOHAMAT

Ikan temalian

- Temalian atau *probarbus jullieni* sejenis ikan kap dan mempunyai jalur hitam di badannya
- Mampu membesar sehingga 70 kilogram (kg) namun saiz melebihi 20kg sangat sukar ditemui
- Merupakan ikan asal yang mendiami Sungai Pahang dan Sungai Perak
- Pewartaan kawasan larangan menangkap ikan (zon merah) di Jeram Panjang, Sungai Tembeling, Pahang bertujuan melindungi spesies ini daripada pupus

Sumber: Majalah Umpan



Penduduk terutama golongan nelayan dilarang menjalankan aktiviti penangkapan ikan temalian di sepanjang Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai bermula bulan ini sehingga April depan.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, larangan tersebut diambil berikutan musim ikan temalian bertelur di beberapa kawasan di sepanjang sungai negeri itu serta mengelakkan spesies ikan tersebut pupus.

"Ikan ini amat berharga sebab itu larangan dibuat. Kita sebenarnya mahu spesies ikan ini terus ada di Sungai Pahang. Kalau tidak dikawal ikan temalian tidak dapat membiak dan spesies bakal berkurangan."

"Jadi kita minta semua pihak supaya mematuhi arahan dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Kelmarin tular di laman sosial Facebook mengenai larangan penangkapan ikan temalian di Sungai Pahang kerana musim spesies ikan sungai itu bertelur.

Azahari berkata, pihaknya telah memasang lebih 40 papan tanda di sepanjang Sungai Pahang, Sungai Tembeling dan Sungai Jelai sebagai



AZAHARI

memberi peringatan kepada semua pihak berhubung larangan tersebut.

Dalam pada itu, Azahari berkata, pihaknya akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak atau individu yang melakukan aktiviti menangkap dan memiliki ikan temalian.

Katanya, tindakan itu akan dibuat mengikut peraturan Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 Pahang.

"Individu yang didapati tidak mematuhi larangan boleh dikenakan kompaun RM100 sehingga RM5,000 dan peralatan menangkap ikan mereka dirampas," katanya.

Ditanya bagaimana ikan temalian bertelur, Azahari berkata, ikan itu akan ke kawasan lubuk dan air cetek untuk bertelur secara berpasangan.

Menurutnya, sewaktu ikan temalian melepaskan telur, ia berada di permukaan air bagi memudahkan sesiapa sahaja menangkapnya dengan hanya menggunakan jaring hanyut.

"Ikan temalian ini sama macam ikan salmon yang akan naik ke darat sewaktu bertelur."

"Situasi ini menyebabkan induk ikan temalian mudah untuk ditangkap dan atas sebab itu kita kena kawal aktiviti tangkapan ikan ini pada tempoh yang ditetapkan pada setiap tahun," katanya.